

# IMP3 pelan negara capai status maju

BH - 19/8/2006


## Kerajaan rangka strategi capai matlamat Wawasan 2020

Oleh Norfatimah Ahmad, Jalal Ali  
Abdul Rahim, Rohaniza Idris,  
Abdul Halim Yusoff dan Sazarina  
Shahrim

**K**UALA LUMPUR: Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam akan menjadi sandaran untuk memastikan Malaysia mencapai Wawasan 2020 dan menghadapi cabaran globalisasi.

Menteri Kabinet sepakat IMP3 adalah antara komponen penting segala dasar kerajaan mencapai matlamat menjadi negara maju menerusi kemasukan pelaburan langsung asing (FDI), menambah peluang pekerjaan serta meningkatkan mutu hidup rakyat.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin, berkata pelan itu



akan menyediakan landasan untuk negara mencapai matlamat pembangunan menjadi negara maju dan menghadapi pelbagai cabaran.

Sehubungan itu katanya, adalah

penting untuk semua rakyat termasuk daripada sektor kerajaan dan swasta memahami sasaran, keupayaan serta iltizam negara dalam IMP3 bagi memastikan pelaksanaannya berjaya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai IMP3 yang dilancarkan Abdullah di sini, semalam.

Antara lain, IMP3 yang mempunyai tempoh bermula 2006 hingga 2020, mensasarkan untuk menambah baik daya saing global negara melalui tiga teras ekonomi iaitu sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata IMP3 yang dibentangkan Perdana Menteri, semalam bertepatan dengan misi nasional ke arah merencanakan lagi pembangunan negara.

"IMP3 akan menjadi pendorong

kepada kemasukan lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

"Ekonomi Malaysia akan menyaksikan peningkatan dan ia akan merangsang pelaburan serta meningkatkan keyakinan pelabur," katanya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, berkata dalam IMP3, kerajaan memberi penekanan yang tepat untuk memajukan pelbagai sektor termasuk bidang perkhidmatan baru seperti pengangkutan dan logistik.

Beliau berkata, sesudah kerajaan menetapkan dasar yang lengkap dan menyeluruh, adalah penting sekarang untuk rakyat meneliti pelbagai peluang yang ditawarkan dan bersiap sedia meneroka bidang pertumbuhan baru.